

PUSAT LATIHAN KEMAS MELAKA
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)
JALAN MELOR, BUKIT BARU
75150 MELAKA

Telefon : 06-2824514
Faksimili : 06-2816827

Surat Tuan :
Surat Kami : KEMAS.PLKM 600-2/1/1 (59)
Tarikh : 2 Okt 2020 / 14 Safar 1442H

Pengarah KEMAS Melaka
Pengarah KEMAS Johor
Pengarah KEMAS N.Sembilan

Tuan ,

**KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI DALAM SEKTOR AWAM KAKITANGAN
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) ZON SELATAN
(MELAKA , JOHOR NEGERI SEMBILAN) BAGI TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara diatas .

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Latihan KEMAS Melaka akan melaksanakan **Kursus Pengukuhan Integriti Dalam Sektor Awam** seperti butiran berikut :

Tarikh : 19 – 21 Oktober 2020 (Isnin – Rabu)
Tempat : Hotel Kobemas
1, Jalan MITC Prima,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka

3. Objektif Kursus ini adalah untuk memahami konsep akauntabiliti sebagai penjawat awam dengan berpandukan konsep Aku Janji serta memahami kepentingan dalam menjaga imej organisasi. Diharapkan dengan adanya kursus ini ia akan dapat meningkatkan kesedaran kepentingan pembudayaan integriti dalam organisasi.

4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk menghantar 10 nama peserta kursus beserta email bagi dicalonkan untuk menghadiri kursus ini. Kriteria utama pemilihan calon adalah terdiri daripada kakitangan yang terlibat secara langsung dalam tatacara kewangan iaitu gred 19 hingga 41. Tawaran kursus akan dilaksanakan secara online iaitu menggunakan sistem e-Silk KEMAS. Kerjasama tuan/puan untuk menghantar senarai nama dengan kadar segera amatlah dipohon. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan /puan boleh menghubungi pegawai berikut :


- i. Puan Khairul Nazima Binti Abdul Halim : 013-5914803
(khairul.nazima@kemas.gov.my)
- ii. Puan Norashikin Bt Jamalludin : 017-3297029
(shikin@kemas.gov.my)

5. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian ,

“MELAKAKU MAJU JAYA , RAKYAT BAHAGIA , MENGGAMIT DUNIA ”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



b.p Pengetua
Pusat Latihan KEMAS Melaka
Jabatan Kemajuan Masyarakat KEMAS

**JADUAL KURSUS PENGUKUHAN INTEGRITI DALAM SEKTOR AWAM
BAGI KAKITANGAN KEMAS ZON SELATAN PADA 19 HINGGA 21 OKTOBER 2020**

MASA / TARIKH	7.30 – 8.00 Pagi	8.30 – 10.30 pagi	10.30 – 11.00 Pagi	11.00 Pagi – 1.00 T/hari	1.00 – 2.00 Petang	2.30 – 4.30 Petang	4.30 – 5.00 Petang	7.00 – 8.30 Malam	8.30 – 10.30 Malam	10.30 – 11.00 Malam
19/10/2020 (Isnin)	Pendaftaran Jam 3.00 Petang									
20/10/2020 (Selasa)	Sarapan Pagi									
21/10/2020 (Rabu)	Majlis Penyampaian Sijil Dan Perasmian Penutup									

- Mohon hadir mengikut waktu check in yang telah ditetapkan , dan mematuhi SOP Penjarakan Sosial yang telah ditetapkan